

Akaun Peribadi
Chedet.cc
3 August 2015
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Dalam usaha menghalalkan tuduhan terhadap Najib kerana memasukkan dalam akaun peribadinya wang sebanyak RM2.6 billion yang kononnya adalah untuk pilihanraya ke-13, saya dituduh berbuat perkara yang sama. Tuduhan ini tidak berasas, semata-mata fitnah.
2. Di waktu saya jadi Presiden UMNO, Ibu Pejabat mempunyai tiga trustees, iaitu pemegang amanah. Saya adalah antara pemegang amanah ini. Pemegang amanah memiliki akaun dalam bank. Semua derma, terutama semasa pilihanraya dimasukkan dalam akaun ini. Dua dari mana-mana tiga pemegang amanah diberi kuasa untuk mengurus akaun Ibu Pejabat dan menandatangani cek apabila mengeluarkan wang.
3. Pemegang amanah ini juga dinamakan sebagai pemilik saham-saham dan hartanah milik UMNO.
4. Di waktu saya letak jawatan sebagai Presiden UMNO, saya telah arah wang tunai dalam bank dan saham-saham serta surat milik hartanah diserahkan kepada Dato Abdullah Badawi. Pegawai yang menyerah ialah Nor Mohamad Yacob dan Noordin Bachik.
5. Jumlah wang tunai yang diserahkan melebihi 200 juta Ringgit. Jumlah nilai saham dan hartanah melebihi 1.2 billion Ringgit.
6. Tidak ada satu sen pun dari wang derma untuk pilihanraya yang dimasukkan dalam akaun saya. Saya sedia semua akaun peribadi saya selama 22 tahun diperiksa oleh orang yang tidak ada kepentingan bagi mengesahkan pengakuan saya ini atau sebaliknya.
7. Pada pilihanraya 1964 dan 1969, wang tunai berjumlah 20,000 Ringgit dari Ibu Pejabat diserahkan kepada saya untuk diagih kepada kawasan parlimen 40% dan kawasan DUN 30% tiap satu. Kerana saya tidak sanggup simpan wang tunai sebanyak RM20,000 ini, saya masukkan dalam akaun saya, dan saya keluarkan cek kepada jawatankuasa pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri mengikut agihan yang ditentukan oleh Ibu Pejabat. Wang ini bukan dari penderma tetapi ini adalah wang UMNO yang memang pun diberi kepada bahagian untuk kegunaan calon.
8. Di waktu saya disingkir dari parti pada 1970, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah geledah rumah dan klinik saya. Mereka jumpa cek stub yang telah dikeluarkan oleh saya dan mereka mendakwa bahawa saya tidak lapur pendapatan saya sepenuhnya.
9. Mereka mendenda saya sebanyak RM300,000 dengan amaran jika saya bantah dan pergi ke mahkamah saya akan dikenakan denda tiga kali ganda.
10. Saya tidak pergi ke mahkamah. Sebaliknya saya merayu bahawa duit yang dimasukkan dalam akaun saya ialah dari parti. Tetapi Ibu Pejabat UMNO tidak mengaku wang itu dari UMNO.
11. Akhirnya saya dikenakan denda sebanyak RM130,000. Di waktu denda ini dikenakan saya sudah dilantik Menteri dalam Kerajaan. Saya membayar secara beransur-ansur dan selesai bayaran semasa saya menjadi Timbalan Perdana Menteri.

12. Ada sedikit perbezaan antara wang tunai sebanyak RM20,000 yang saya terima dan cek sebanyak USD 700 juta bersamaan RM2.6 billion yang dikatakan dimasukkan ke dalam akaun peribadi Datuk Sri Najib.

13. Jikalau disemak perbelanjaan pilihanraya lima kali yang diadakan semasa saya Presiden UMNO, tidak ada banyak wang yang diguna, terutama peruntukan dari Ibu Pejabat. Namun BN tidak pernah menang kurang dari 2/3 kerusi di parlimen.

14. Jika sekarang UMNO perlu 2½ billion Ringgit untuk pilihanraya, ia tetap melanggar aturan peraturan dan undang-undang pilihanraya. Akaun perbelanjaan pilihanraya tiap seorang calon pilihanraya perlu dilapor kepada pihak berkuasa. Adalah salah jika ia melebihi jumlah tertentu. Saya pohon maaf jika peraturan ini sudah digugur. Ia diadakan untuk mengelak dari rasuah berlaku.

15. Saya tidak hendak soal dari mana datang USD 700 juta ini. Saya akan tunggu sehingga Auditor-General dan PAC buat laporan terakhir, walaupun saya tidak lagi dapat terima bulat-bulat segala kenyataan yang akan diperbuat.

16. Saya tidak ingin sentuh 1MDB walaupun saya sebagai rakyat yang membayar cukai berhak untuk menyoal kewangan negara. Tetapi seperti yang saya jelaskan saya terpaksa bayar cukai pendapatan dan denda ke atas wang yang terdapat dalam akaun saya.

17. Soal yang saya ingin tanya ialah apakah Lembaga Hasil Dalam Negeri telah bertindak dengan kuasa yang diberi kepadanya ke atas wang sebanyak RM2.6 billion yang terdapat dalam akaun peribadi Datuk Sri Najib.

ENGLISH VERSION

PERSONAL ACCOUNT

1. In order to justify the charges against Najib for putting in his personal account the sum of RM2.6 billion ostensibly for the 13th General Elections, I was accused of doing the same thing. These are unfounded allegations, simply slander.

2. At the time I became president of UMNO, Headquarters has three trustees. I was one of the trustees. The trustee has a bank account. All donations, especially during the elections are deposited in this account. Two of any of the three trustees are empowered to take care of the headquarter's account and sign cheques when withdrawing money.

3. The trustees were also named as the owners of shares and property belonging to the party.

4. At the time I resigned as president of UMNO, I had directed that the cash in bank and shares and title deeds to properties be handed over to Dato Abdullah Badawi. The officers who surrendered them were Nor Mohamad Yacob and Noordin Bachik.

5. The amount of cash handed over was more than 200 million Ringgit. The value of shares and property exceeded 1.2 billion Ringgit.

6. Not even a cent of donated funds for election was deposited in my account. I am prepared that all my personal accounts during the 22 years be examined by people who have no personal interest to confirm my declaration, or otherwise.

7. During the elections in 1964 and 1969, cash totalling RM20,000 from Headquarters was handed to me for distribution, 40% to parliamentary constituency and 30% to state assembly constituency each. As I was not willing to hold this sum of RM20,000 in cash, I put it in my account, and I issued a cheque to the Election Committee of Parliament and the State Assembly for distribution as determined by the Head Office. This money is not from donors but this is UMNO's money that is usually given to constituencies for use by candidates.

8. At the time I was expelled from the party in 1970, the Department of internal Revenue had searched my home and clinic. They found the cheque stub that was issued by me and they claimed that I did not disclosed reported income in full.

9. They fined me a total of RM300,000 with a warning that if I disagree and go to court I will be fined three fold.

10. I did not go to court. Instead I appealed that the money which was deposited in my account was from the Party. But UMNO Headquarters did not confirmed that the money was from the Party.

11. Finally, I was imposed a fine of RM130,000. During the time the fine was imposed I was already appointed a minister in the Government. I paid gradually and I finished paying when I was the Deputy Prime Minister.

12. There is a little difference between a cash of RM20,000 that I received and a cheque of USD700 million, equivalent to RM2.6 billion, said to be deposited into personal account of Datuk Sri Najib.

13. If the spendings during the five times election were held when I was President of UMNO were to be examined there was not much money used, particularly provisions from Headquarters. But BN never win less than 2/3 of the seats in Parliament.

14. If the present UMNO needs 2½ billion Ringgit for the election, this definitely violates rules and regulations of the electoral law. Expenses account for each election candidate should be reported to the authorities. It is wrong if it exceeds a certain amount. I apologized if this rule has been dropped. It was done to avoid occurrence of corruption.

15. I do not want to question from where the USD700 million came. I will wait until the Auditor-General and the PAC make the final reports, even though I can no longer accept in total the announcements that will be made.

16. I do not want to touch on 1MDB even as a citizen paying taxes I am entitled to question the country's finances. But like I had explained, I had to pay income tax and penalties on the money found in my account.

17. The question that I would like to ask is whether the Inland Revenue Board has acted, with the authority granted to it, on the sum of RM2.6 billion deposited in the personal account of Datuk Sri Najib.

216 thoughts on "Akaun Peribadi"

1.  [Log in to Reply](#) **HBT456** [Aug 22, 2015 1:03 PM](#)

57. I love party vs I love pm, sama saja.
58. Only umno is doing this, meaning they only think about their survival.
59. Membazirkan duit taxpayers saja.
60. There is no way umno can right what went wrong.
61. The only way out is wait it out until next ge.
62. Malaysians are malaysians.
63. Dont hard sell, it will only back fired.

2.  [Log in to Reply HBT456](#) Aug 22,2015 12:22 PM

50. Why?
51. Birth is a right.
52. Birth is not a privilege, atau hak istimewa muslim di bawah federal constitution.
53. Please get this political fact right.
54. If umno dont get this fact right, they will be voted out in the future.
55. Obama, democratic party can be the president.
56. Hillary clinton can be the first female president too if republican do not have better candidates to run for presidency.

3.  [Log in to Reply HBT456](#) Aug 22,2015 12:10 PM

42. <http://www.malaysiakini.com/news/309487>

43. Tdm is right, ts myuhiddin should be more careful.
44. But the mistake done by ts myuhiddin is helping his colleague, and duit masuk company, bukan akaun peribadi myuhiddin yassin.
45. Now, he is axed.
46. If he keep quiet, he will be accused of helping jews to fight arab politically, kononnya.
47. Anyway, to umno extremists, chinese including mca, gerakan and supp are jews to them for decades.
47. Mic subra claimed to set up 2800 mic branches in malaysia is for worship the divine intervention?
48. Mca and gerakan, we chinese are jews to umno, do you realize that?

49. But bringing jews for this has proven malaysia memang tak boleh mencapai wawasan 2020.



4. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Aug 18, 2015 9:07 AM](#)

18. Ku li said he is not the old man who topples najib.

19. With the style of current kdn minister, I am pretty sure the component parties know who is that umno man.

20. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/unity-council-proposes-early-warning-system-to-predict-racial-flare-ups>

21. Umno no longer relevant.

22. They are too obsess and loud in playing with their ketuanan umno as if the people must vote them.

23. To them, it is all about numbers, the ap, ketuanan melayu cum bumiputra and islam.

24. To them, aku tuan, ko kena ikut.

25. Jika tidak, aku akan tarik balik permit ko.

26. They are only interested in their own survival.

27. Bn stands for dacing.

28. With umno racist ministers, there is no way they can make the dacing steady.

29. Do they really care about the people?

30. They only care about air muka saja.

31. The lady who maki hamun najib in langkawai looks like a young man to me.

32. Anything involves umno, just dont read, wasting time only.

33. They talked too much about their perasaan.

34. In managing the country economy, they need to be bribed for future security purpose.

35. They can be played out by their own members if they are not careful.

36. Jealousy, sabotage, cekik sesama diri, gosip, fitnah and many more are deep rooted in umno culture and tradition because they have been living in comfort zone by silent critics.

37. Why are they doing this?

38. To them, only they can decide who gets the budget.

39. Opposition parties do not have the numbers.

40. Umno has, so?

41. If a political parti cakap tak serupa bikin, siapakah berani nak support?

5.  [Log in to Reply drfiggarden](#) Aug 11, 2015 11:51 PM

semoga malaysia terus maju...

6.  [Log in to Reply kevinvatican](#) Aug 11, 2015 7:46 PM

Salam sejahtera dari Bumi Kenyalang Tun..

Semakin hari semakin panas cuaca di sarawak , sepanas hati ,marah ,kecewa dengan kepimpinan Perdana Menteri kita hari ini.. Beliau asal berbicara ,berucap tidak kira di mana mana , yang sedihnya ugutan terselit, these cannot that cannot, dont questioned ,you transfer, you no need to transfer,"PDRM go ambush MACC!!",cabinet reshuffle drastically,BR1m will stop if keep on slamming ME!! (Tak kisah pun kalau tak bagi janji suara hati keluar,cant bought with cash!!!") , etc etc....Mimpi Ngeri!!.

Perlakuan beliau umpama remaja yang kurang matang atau seperti hilang haluan hidup ... Saya berfikiran positif andainya berlaku demonstrasi jalanan yang besar suatu hari nanti, bagi saya memang bakal memudaratkan rakyat yang lain(jenis yang takut) , tapi apakah daya jika Hanya itu sahaja pilihannya TUN?.. Kalut pemikiran rakyat sudah,sumpah seranah berakar umbiakan tetapi jelas siaran media tempatan sudah berubah menjadi teater pentas lakonan bagi saya.. Saya pun Kalut..

Mohon maaf jika bahasa saya kasar Tun, semoga Kekalutan serta kepelikan kerajaan hari ini berAKHIR demi rakyat Malaysia suatu hari nanti ..

REGARDs..

KELVIN KALA KETIGA

7.  [Log in to Reply Khairul Azlan](#) Aug 11, 2015 12:16 PM

Baru-baru ini semasa bersembang di kedai mamak, seorang teman berkata, seburuk-buruk Pak Lah pun lebih baik rasanya dari Najib. Saya hanya diam mendengar tanpa memberikan apa-apa ulasan tetapi terlintas juga bahawa ada mungkin juga benar apa yang dikatakan.Semasa Pak Lah, tidak perlu dipertikaikan lagi bahawa Tun jauh lebih baik dari Pak Lah.

Maka tertanya pula difikiran saya selepas Najib, siapa? Kalau diambil prestasi PM selepas Tun, Pak Lah lebih teruk dari Tun, Najib Lagi teruk dari Pak Lah. Adakah pengganti itu nanti lebih teruk dari Najib?

Apa pun ini hanya sembang-sembang dari orang biasa. Pandangan cetek kami.

Sekian.

8.  [Log in to Reply](#) **utaqamy** Aug 10, 2015 7:44 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya juga setuju dengan "daeng" dan "superman1" tentang doa orang yg dizalimi iaitu rakyat malaysia yg dipimpin oleh manusia yg tidak layak digelar pemimpin diatas segala pembohongan dan salah guna kuasa beliau.

Sama-sama kita doakan agar pemimpin yg menganiaya rakyat serta pembodek tegar beliau menerima balasan yg seksa di dunia dan juga akhirat jika mereka tidak sedar dan bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Kita dah usaha yg termampu, hanya Allah kita berserah. Saya doakan agar rakyat Malaysia mendapat pemimpin yg hebat dan bijaksana secepat mungkin agar Agama Islam dan Bangsa Melayu serta rakyat malaysia menjadi contoh dan tauladan di seluruh dunia.

Amin Ya Allah.

#SemogaTunSihatSelalu

9.  [Log in to Reply](#) **IT.Scheiss** Aug 10, 2015 7:31 AM

Salam Tun,

The situation for Malaysia is certainly bad and getting worse politically and economically as long as Najib remains as PM but now that he has replaced his DPM, AG and head of the Special Branch with his loyalists and is going after people in the MACC, etc., how else can he be stopped?

On the one hand there are branches in UMNO calling for Najib to go on leave pending investigations.

"107 Cawangan Umno dari Bahagian Pasir Gudang minta Najib berehat dari jawatan"

<http://www.apanama.my/2015/08/107-cawangan-umno-dari-bahagian-pasir.html>

.. and on the other there are calls for Royalty to act as per this comment in Datuk Kadir Jasin's blog.

"I think a conference of Rulers, which will absolve the Agong of taking responsibility alone, shld be requisitioned soon as the matter of this country is of utmost urgency. The Agong shld be well advised to revoke the sacking and appointment of the AGs. Gani Patail shld be called up by the Conference of Rulers & be directed to complete his tenure of AG and any uncompleted cases with regard to the task force issues. The Rule of law shld take its course and Najib be advised to take leave pending his cases being settled in court."

<http://kadirjasin.blogspot.com/2015/08/seething-and-sweating-in-pms-camp.html>

Besides that, what other avenues are there?

10.  [Log in to Reply sibotak](#) Aug 10, 2015 6:41 AM

Khairan Anggota UMNO masih mempertahankan Najib
Setelah terserlah Najib PM KU , PM Kurang Upaya

Najib Sudah kelihatan Najis Dalam pandangan Masyarakat Malaysia
Semulia Beliau adalah turun Dari Tahta
Jika Beliau Berdegil Beliau Akan Terhimpit juga
Beliau Kelihatan seperti Baruah Kerajaan Singapura

Jika UMNO Tunggu
Waktu Akan Menentukan
Bila Tiba UMNO juga Akan ikut Tumbang
Jangan kerana 1 Pemimpin Bodoh macam Najib
Akan memporak perandakan Malaysia

11.  [Log in to Reply faridina](#) Aug 10, 2015 3:00 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Syukur Alhamdulillah kami zahirkan atas ucapan Ketua Perhubungan UMNO Johor merangkap MB Johor dalam menyuarakan pandangan bahagiannya sekaligus juga pendirian UMNO Johor sepertimana boleh ditonton di youtube di bawah tajuk 'Ucapan Penuh YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin Persidangan UMNO..yang baru sahaja ditonton 895 orang pada 9/8/15.

Ucapan yang bernas, tepat penuh tersirat tetapi jelas mesej yang hendak disampaikan kepada Presiden UMNO.

Elok didengari ahli2 UMNO bahagian lain juga kerana walau apapun UMNO Johor akan mempertahankan parti keramat ini yang lahir dan dibesarkan di Johor dan tidak sekali2 akan dikebumikan di bumi Johor menurut MB Khaled.

Rakyat Johor termasuk ahli2 UMNOnya sendiri turut melahirkan keresahan berhubung isu 1MDB, Felda, kemerosotan nilai ringgit dan kesan GST di hadapan Presiden UMNO sendiri.

Kenyataan MB berhubung sokongan hormat Johor kepada Timbalan Presiden UMNO yang tidak berbelah bagi dalam kedukaan melegakan kami rakyat marhaen dan ini satu petanda dan isyarat baik yang harus disambut oleh bahagian2 lain kerana TSM sanggup kehilangan jawatan dalam kerajaan semata untuk berkata benar demi kelangsungan UMNO setelah mendengar rintihan majoriti rakyat serta ahli2 UMNO.

Wasalam Tun.

12.  [Log in to Reply sayaanakmalaysia](#) Aug 10, 2015 12:31 AM

<http://youtu.be/O7LLJ0-o1lo>

A video of Najib saying that any donations must be channelled to the official bank account of political parties instead of any individual politicians to prevent corruption.

Speech was given on 26 Feb 2012

13.  [Log in to Reply](#) **Tanggung** [Aug 9, 2015 11:11 PM](#)

Salam Tun,

Ralat. Ucapan Presiden UMNO diPerhimpunan UMNO Bahagian Pasir Gudang..

Salam

14.  [Log in to Reply](#) **Tanggung** [Aug 9, 2015 10:32 PM](#)

Salam Yg Bhg Tun,

Sedutan ucapan DS Najib didalam TV1 Perhimpunan Agung UMNO, Najib menegaskan bahawa dia akan memberikan apa saja yang rakyat Johor hendak. "Jika rakyat Johor hendak jambatan bengkok saya akan berikan. Tapi dengan asas yang kukuh".

Sekarang ini sudah mula hendak membodek rakyat Johor. Kematangan DS Najib pendek dan dangkal. Langkah dia memecat TS Muhyiddin adalah kesilapan besar dia. Dia tidak mengambil iktibar selama hidup dia menjadi ahli politik bahawa Johor adalah kubu UMNO yang terkuat sekali di Malaya ini. Rakyat Johor kuat dengan orang Johor mereka. Sarang tebuhan telah dijolok.

DS Najib telah melakukan banyak kesilapan yang menunjukkan langkah persilatannya sumbang dan tidak meyakinkan. Seperti yang diperkatakan oleh Tun pada awal2 lagi bahawa DS Najib adalah "unfit to become a Prime Minister". Tetapi dia masih lagi tidak sedar (atau pura2 tidak sedar) bahawa tiada 3 juta ahli UMNO yang menyokongnya.

Salam Tun.

15.  [Log in to Reply](#) **daeng** [Aug 9, 2015 8:49 PM](#)

Assalamualaikum.

Tun,

MAJLIS TERTINGGI UMNO TIDAK FAHAM GELOMBANG RAKYAT MEMBENCI NAJIB AKAN MEMBERI KESAN KEPADA SOKONGAN RAKYAT KEPADA BN.

BILA RAKYAT KIAN HILANG KEPERCAYAAN KEPADA BN, TIBA PRU14, BN AKAN GUGUR SECARA TERHINA.

JUSTERU ITU, NAJIB WAJAR DIUNDURKAN SECARA TERHORMAT SEBELUM DIA UNDIR SECARA TERHINA.

YANG SEDIHNYA PADA MASA ITU MAJLIS TERTINGGI UMNO SUDAH TERLEWAT BERBUAT SESUATU.

DALAM TV MALAM INI, KONONNYA NAJIB MENYALAHKAN SERANGAN TEKNOLOGI SIBER PUNCA RAKYAT TERPENGARUH DENGAN FITNAH YANG DILONTAR TERHADAPNYA.

PADA MASA DULU KONONNYA BILA PEMIMPIN BERBUAT SILAP IANYA TIDAK DIKETAHUI OLEH RAKYAT DAN RAKYAT MUDAH TERLUPA APA YANG TERJADI.

MALANGNYA NAJIB TIDAK FAHAM RAKYAT BUKANNYA BODOH, RAKYAT ADA OTAK UNTUK MENAPIS SESUATU YANG BERUPA FITNAH DAN YANG BETUL.

NAJIB TERLUPA DAN LEKA BAHAWA TINDAKANNYA SENDIRI YANG MEMBUATKAN RAKYAT MEMBENCINYA.

NILAI RM YANG SEMAKIN MERUDUM SUDAH JELAS MENUNJUKKAN EKONOMI MALAYSIA KINI SEMAKIN LEMAH BERBANDING NEGARA JIRAN SEPERTI THAILAND DAN INDONESIA. USAH KITA BANDINGKAN DENGAN AMERIKA.

SAYA HARAP MAJLIS TERTINGGI FAHAM SITUASI MENGAPA RAKYAT KINI SEMAKIN HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP KEPIMPINAN NAJIB.

SEBELUM UMNO/BN GUGUR SECARA TERHINA DALAM PRU14, WAJARLAH AHLI-AHLI UMNO BERBUAT SESUATU AGAR NAJIB DIUNDURKAN SEGERA SEBELUM PRU14. MASA KINI KIAN SUNTUK.

SATU CARA YANG TERBAIK ADALAH LETAKKAN BENA "TURUNKAN NAJIB" SEPERTI YANG BERLAKU DI JOHOR AGAR YANG DI ATAS UMNO TIDAK DIULIT MIMPI.

MAJULAH NEGARA TANPA NAJIB.

WASSALAM.

16.  [Log in to Reply sibotak](#) Aug 9, 2015 5:08 PM

Apa jua perterlegahan kita bersama
Pemimpin juga Rakyat
Kita Ummah Melayu Ummah Islam
Perlu Bersatu

Perlu kita lebih mengaturkan Budi Bahasa
Penyampaian yg Mulia bagi
Membina bersama Bukan Menghancurkan Bersama

Baru baru Ini Lim Guan Eng
Menyeru agar Tun Mahathir , Muhaideen juga Anggota UMNO yg keluar
Dari UMNO bersama Malaysia untuk Malaysia

Persoalannya lebih pada Muslihat Beliau
Untuk Malaysia Atau untuk Beliau Atau Parti Beliau

Janganlah Kita Berpecah Belah Dan menjadi Perkakas mereka
Sesungguhnya Agenda mereka untuk mereka
Bukan untuk Malaysia
Bersekutu mereka dengan PAP Sudah Buktinya

Buruk Baik ,Hitam Putih ,Cantek Hodoh
Biarlah kita Bersama

17.  [Log in to Reply Hajar](#) Aug 9, 2015 3:57 PM

Dearest YAB Tun,

<http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/08/09/najib-razak-i-am-leader-who-accepts-criticisms/>

Oh Dear! What a big JOKE! Kah!Kah!Kah...Pecat..Singkir..Tukar...Pindah...Gantung...Cuti..

"I accept criticisms, but if don't like what I hear/see, then it's my prerogative to do whatever I want to eliminate my critics..."

It's the rakyat's 'prerogative' to eliminate DSN as our President/PM during PAU/PRU. I hope voters in Pekan will vote him out during PRU-14.

#DSNSilaLetakJawatan

DSN ingat UMNO/Malaysia 'milik peribadi' beliau ke?

Thanks Tun.

*** May Allah SWT bless Tun and family ***

18.  [Log in to Reply joetamchi](#) Aug 9, 2015 2:54 PM

Sangsi.! Sangsi.!
Deposit jual negeri..?
#janjadicapati


58tahun MERDEKA
Ada harapan dijajah semula....!

Kita kibarkan jalur gemilang...
tapi
kita kena temberang.....!

<https://youtu.be/fOTkrddu2g>

#555

Buku tiga lima

19.  [Log in to Reply sudin](#) Aug 9, 2015 1:52 PM

Assalam Tun.

Si Zahid tu bercakap dah serupa macam Najib, penuh dengan berpura dan pembohongan. Memanglah dulu lagi pun semasa rapat dengan Anwar maniak dia punyai sifat sedemikian, tapi sekarang dah tak segan silu lagi nak canang perangai bohong serta pura2 tu pada semua orang.

Nasiblah Malaysia, punyai ketua2 yang suka berbohong serta cakap tak serupa bikin!

20.  [Log in to Reply cruze](#) Aug 9, 2015 1:35 PM

Siapa yang suka najib datang johor tu, Normala tu saja yang suka najib datang, Keluarga pembodek juga tu dari PAGEMA pun dah memang kaki bodek, menyibuk saja najib datang johor. Zahid pergi kelantan Tanah Merah kena hantam ribut....

Najib dan Zahid perasan orang suka, jugak kaki bodek baru Normala tu nak join Azalina dan Mas Ermiyati pembodek jugak ke?

Semuga allah lindungi TMJ, Tan Sri Muhyidin, Dato Hj Mukhris, Tun Mahathir dan juga pembela rakyat terbaru Khairi Jamaluddin dari ancaman2 pembodek terkeji di Tanah Melayu....

21.  [Log in to Reply daeng](#) Aug 9, 2015 11:17 AM

Assalamualaikum.

Tun yang saya hormati.

1. Setuju dengan komen superman1 mengenai "doa orang dizalimi pasti dimakbulkan".
2. Mulai sekarang mari kita iaitu rakyat Malaysia yang dizalimi berdo'a agar Najib dan pembodek-pembodeknya ditimpa malapetaka yang dahsyat samada pada dirinya atau orang yang hampir dengannya dalam masa terdekat ini.
3. Semuga doa kita akan makbul dan menjadi iktibar kepada pemimpin-pemimpin yang mentadbir Malaysia pada masa akan datang.
4. Najib dan pembodek-pembodek tolol yang tidak faham isu negara.

Amin ya rabal aa lamin.

22.  [Log in to Reply joetamchi](#) Aug 9, 2015 6:01 AM

LHDN nama diberi...

Lembaga Hasil Dalam Negeri

Kutip cukai sykt. & peribadi..

Dpt kutip dari perdana menteri...?

Minta penjelasan dari agensi...!

#agensisepi!

#suarakenatransfer?

*

Dalam akaun banyak duit...

Duit dari Timur Tengah

Nak tanya sikit....

Apa ada Timur Tengah?

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Timur Tengah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Timur_Tengah)

#israel?

#yahudi?

#DermawanAkaunPeribadi

#RamuanUdangSebalikMee

#SangsiSangsi!

#DepositGadaiNegeri?

23.  [Log in to Reply MMMALAYSIA](#) Aug 9, 2015 3:49 AM

To My Beloved Tun thank you again for showing us what is right and wrong.

may the mighty God bless you with more strength and good health. We malaysian need you.

First of all what ever suffering we are facing today in this country is created by Malays. Malays being the majority of this country is taken for a ride like an uneducated and no dignity.

As we all knew in the last election 99 percent chines n 65 percent indian never vote for BN. So only Chines and Indian is educate and has dignity????????? WHATS WRONG WITH 15 MILLIONS OF MALAYS GONE

In malaysia who has the power to change the government or to force some one to step down ??????????

Only a handful of Malays who are against PM Najib ? What happen to our university students, other state Malays what are they doing ?????????? Why only in Johor. What happen to the unity of all Malays.

Who save the BN in last election. Malays save BN to suffer like this and treated like a dog or uneducated ???????? Wake up MALAYS

What happen to them. ????? Malays in this country should come forward without fear and favour in every city and state to voice and create problem to our current PM.

It is true our PM has 20 to 30 key people as his supporter in the parliament. But this is Malaysia and it is belong to Malay. Malays has the right and power to make or change when ever it need.

It is time for all MALAYS from what ever background or state to join hand and came forward in great force to save malaysia. No worries about the Chines and Indian they are just right behind you.

MALAYS the BALL is in your court. It is up to you to return it or keep it and suffer. 30 key people against 12 millions Malays. Nothing can be done to you. Go for it.

Our beloved Tun has did his best to open and show us the direction.It is our time to educate and share his vision and power to all our family relative friend to join us to topple the Najis once and or all.

I strongly believe Malays are educated and have dignity.

If you love Tun. Pls do something for him in return. Let the fire spread in every city and town. This is the right time.

No worries the police army enforcement officer are all malay they can't harm you.

God bless Tun and Malaysia.

24.  [Log in to Reply](#) **Daniel Noor** [Aug 8,2015 10:46 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

For yr info, yesterday in JB there were many buntings being put up urging Najib to step down...as well as cursing him for the currebt situation in this country

This is a good sign there are already a few Rakyat not wanting him to be the PM for one day more.

Now if only the Rakyat can put these bunting in all towns..cities and even in villages nation wide, this can stimulate the UMNO members to be more vocal than ever..i.e urging or forcing Najib to step down.

I am sure this is a better way than to hold mass demonstrations like in our neighboring countries.

Not only Najib will go but his cohorts and barua will follow too.

Next step is to get the Police..SPRM..LHDN to focus on Najibs abuses and mismanagement of the Government

25.  [Log in to Reply](#) **superman1** [Aug 8,2015 10:20 PM](#)

To AZLAN95

Ada jugak lagi anjing NAJIS. Parti lain tak masuk akaun peribadi la tolol...



26. [Log in to Reply](#) **superman1** Aug 8, 2015 10:14 PM

Salam semua,

1. Lagi pegawai SPRM diambil tindakan? Hahaha. Pun masih ada macai tak percaya Najib buat silap mata. Khairy Jamaludin dah buka mulut. Tak buang dia ke NAJIS ooooo?

Bunyiya dah macam Tan Sri Muhyiddin Yassin jugak dah tu? Buang je la cepat cepat sikit. Ganti dengan pengerusi BN backside supporter... Shahrir A. Samad. Biar hidung dia kembang lagi sampai semput.

2. Makin ramai dah kena bala NAJIS. Pun ramai lagi mangkuk tandas yang kata orang orang yang tak bersalah ni pengkhianat. Takpe lah.... kita dianjurkan bersangka baik.

3. Sesungguhnya salah satu doa yang dimakbulkan adalah dari kalangan orang yang dizalimi. Marilah kita bersama berdoa agar pemerintah yang zalim diberi kemudahan didunia sebelum balasan yang lebih lagi diakhirat.



27. [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** Aug 8, 2015 8:44 PM

Salam SatuMDB!

Wahai ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia,

Jangan percaya cakap Najib. Duit RM 2.6 billion tu bukan duit derma. Tak ada sesiapa pun yang tahu tentang duit tu kecuali Najib dan Rosmah. Tak ada sesiapa pun yang bercakap (termasuk Najib) tentang duit derma RM 2.6 billion tu sehinggalah dibongkar oleh WSJ. Duit RM 2.6 billion tu tak pernah pun diaudit dalam akaun UMNO. Duit RM 2.6 billion tu tak dibayar cukai walau satu sen pun. Selama ini Najib menyembunyikan duit RM 2.6 billion tu sehinggalah akaun dimana duit tersebut didepositkan pun dia dah tutup. Kita tak diberitahu kemana duit RM 2.6 billion tu dibelanjakan sebab Najib perlukan masa untuk mereka kisah dongeng untuk dipersembahkan kepada kita.



28. [Log in to Reply](#) **musato** Aug 8, 2015 7:56 PM

Assalamualaikum Tun.

Dengar kata Wahid Omar bagus sangat masa kat Maybank sampai Najib telefon offer join PMO.

Tapi sekarang dah jadi bodoh pulak. Apa orang sekarang kata tu...kemaslanan, kan.

Apa dah jadi semua orang kat Malaysia ni?

Bos tak berapa nak cerdik, anak buah turut sama jadi lebih tak cerdik.

Terima kasih Tun.

29.  [Log in to Reply adelheid](#) Aug 8, 2015 5:57 PM

Dear Tun,

Today's tweet from NSTP – MACC has freed DSN from 2.6 billion allegations, that the money was indeed for party not for PM's personal gain.

Tun, I agree with the commentators in this blog that something serious must be done to stop all this nonsense that our PM is doing to our country and people. Innocent people become victims. Our POLICE become his personal vehicle to create chaos and fear amongst the people. Something real serious must be done NOW Tun. Just waiting for GE-14 with our saliva air liur would be a big bonus for DSN, his new DPM to cause more and more chaos and harm to this country. Our ringgit is comfortably going down and down against the dollar.

Tun, you are the only one who could save the country now. Why is it so impossible for you to lead us one last time? At least while the next PM is being prepared to take over and lead. Tan Sri Muhyiddin and Dato' Mukhriz are the two clean names I dare to name. All DSN lackeys – Zahid Hamidi, Hishamuddin Tun Hussein, together with their likes Shahrir Samad, Salleh Said Keruak, Ahmad Maslan, Rahman Dahlan, Azalina, Shahrizat, Nazri Aziz, Shahidan Kassim, ALL of DSN's parasitic shoe polishers – MUST GO.

DSN and his administration have gone overboard by punishing the MACC two officers who were merely doing their jobs. DSN must go his way or does he want to go the hard way like what had been the choice of Hitler?

Hear us Tun. We ask of you, hear our voice of great despair Tun.

30.  [Log in to Reply bourne007](#) Aug 8, 2015 3:42 PM

Salam Syawal Para Pe,baca & Komentor,

Berdasarkan dari sumber bebas,

Jabatan Perdana Menteri dgn bantuan Secret Intelligence Service sedang menjalankan misi mustahil dgn KOD [#Project Humpty Dumpty](#) bagi mengenalpasti dan melumpuhkan konspirasi untuk menjatuhkan M.Najib Razak dan pentadbiran.

Sila luangkan masa dan fikir dgn cermat KOD [#Project Humpty Dumpty](#)

Terima Kasih,

Rahsia pemimpin terdahulu & sekarang selamat di tgn RothsChild,

Lupa, SEMUA pernah muda & joli.

31.  [Log in to Reply mofaham58](#) Aug 8, 2015 12:02 PM

Assalamualaikum W.Wb.

Dear Tun,

NAJIB IS A LIAR

1. On many occasions you have claimed that 1MDB has lost RM42 billions and that the money is not there anymore. Najib rebutted your claims though not directly to you that the money is not lost and still there. He always try to convince and prove that he is right by saying that the accounts of 1MDB has been audited by an international auditing firm and true enough it is an international firm and very reputable. He always refer to the financial accounts as not faulty as there is the trading & profit and loss and the balance sheet is balance. What I am trying highlight here is that though Najib said so I cannot accept it. This is because among the basic principles in accounting is that a financial report that is balance does not mean the accounting is right. An error could have occurred or to that effect a fraud could have happen. So I rebut Najib make belief statements and I said he knowingly and believing in its truth has lied to all Malaysians.

2. The money from Cayman island. Najib and Arul Kanda said that the money in Cayman island has been brought back and parked at one of the banks in Singapore. Initially when questions were asked to both of them the answer given was that the cash has been brought back there. However later when the bank concern deny any cash deposited there and I remember reading one of the articles saying that the bank has lodged a complain to the Monetary Authority of Singapore(MAS) they changed their statement to the amount was brought back in units. Perhaps they are aware that the MAS may have reported to BNM so they have to change their words that is instead of cash changed to units. The same goes to the reply by Deputy Finance Minister. To me this is a blatant lie to Malaysians without feeling ashamed. Najib, Arul Kanda both are liars.

3. 1MDB being a government investment company and have well educated officers managing the company should have been prudent and bring in profit to 1MDB. Unfortunately it has become otherwise. When you claim that 1MDB has lost the RM42 billions Najib rebutted that the money is there and 1MDB is on track. Any management team when managing a company will draw up plans on the direction of the company business and ensure profitability. They will also draw up contingency plans perhaps plan A or plan B in case plan A achievements short of target meaning plan A is not achievable. If plan A target is achieved or surpass they will not use the plan B. If plan A short of target meaning there is shortfalls or astray then only they will use the recovery plan. They will not use alternate plan if the plan is on course. Unfortunately this does not happen in 1MDB. Najib always claim that 1MDB is on track. If the business is on track why Ministry of Finance has to implement a Rationalisation Plan? Najib and the Ministry of Finance together with Arul Kanda have lied and trying to fool Malaysians. Najib is a liar.

4. If 1MDB is on track and profitable company why 1MDB has to seek financial aids to service its interest debt. Mind you the principal debt remains a debt. One moment Arul Kanda denied getting financial aid from one of Malaysian billionaires. Later when the truth surface he twisted his tongue and confirmed that 1MDB was saved by that financial aid. Najib and Arul Kanda lied again.

5. I can put up more proofs on happening events that Najib and Arul Kanda both are Liars. However I will stop at this point and may adjourn later.

6. I think asking Najib to resign may not work. But if I'm not wrong there is such thing as CITIZEN ARREST. Perhaps this may work. Perhaps I invite any lawyer who can highlight on CITIZEN ARREST in

Malaysia ?

If there is such arrest in Penal Code I think this is the best way to put Culprits to book.

7. Thank you for reading my comments.



32. [Log in to Reply](#) **azlan95** [Aug 8, 2015 10:32 AM](#)

Menggunakan akaun peribadi untuk tujuan politik amalan semua parti politik. PAS, DAP dan PKR tiada masalah. Dari pemimpin nasional ke pemimpin peringkat bahagian, cabang, ranting, cawangan dan sebagainya semua guna akaun individu.

Yang bising ni di kalangan UMNO sahaja.

Azlan

KL



33. [Log in to Reply](#) **azlan95** [Aug 8, 2015 10:28 AM](#)

It worries me realising the Wall Street Journal can bribe Anti Corruption Commission (MACC) officials, or officials from any other government agencies.

How much did WSJ bribe in exchange for documents, and for information?

Azlan

KL



34. [Log in to Reply](#) **daeng** [Aug 8, 2015 9:56 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

1. Aku menulis bukan kerana nama.

2. Aku menulis bukan untuk memuji dan mengeji seseorang.

3. Aku menulis demi untuk kebaikan negara dan majoriti rakyat Malaysia :

a. Dulu Tun Mahathir mentadbir negara, Malaysia dipuji.

b. Dulu Tun Abdullah mentadbir negara, Malaysia diperli.

c. Kini Najib a/l Tun Razak mentadbir negara, Malaysia dikeji.

4. Mengapa "keji"? Kerana pentadbir negara sekarang dipimpin oleh orang yang amat keji dan dayus.

5. Atas sifat kejinya (isu-isu dari Altantuya hingga kepada wang masuk ke akaun peribadi sebanyak RM 2.6 bilion), Najib sekarang sedang menerima hukuman kejian oleh majoriti rakyat Malaysia.

Dimana-mana rakyat bercerita kekalutan pentadbiran Najib dan menteri-menterinya.

6. Setiap hari apa saja kekalutan Najib (kini menghukum pegawai-pegawai tinggi SPRM) menjadi perbualan hangat rakyat.
7. Tiada yang elok Najib di mata rakyat kini. Mungkin ada juga elok tetapi yang jahatnya terlalu besar untuk ditutup. umpama bangkai gajah ditutup selimut.
8. Kalau di negara Mesir, Najib mungkin sudah digulingkan dengan cara revolusi, kalau Jepun orang macam Najib akan turun sendiri kerana sikap gentlemen pemimpin Jepun. Kalau pahlawan bugis kulit muka tebal macam Najib, susah nak cakap.
9. Doa dan harapan semoga pemimpin tertinggi UMNO berani berbuat sesuatu demi menyelamatkan Malaysia terjerumus dalam kekalutan pentadbiran dan kekalutan tadbir urus kewangan negara yang semakin merudum.
10. USD 1 = RM 3.91 iaitu pertukaran mata wang negara yang semakin nazak berbanding Amerika sudah cukup menggambarkan ekonomi negara kian teruk.
11. Kesabaran rakyat ada batasnya Tun.
12. Rakyat harga pengorbanan Tun dulu, kini dan selamanya.

Wassalam.

35.  [Log in to Reply](#) **hafizah** Aug 8, 2015 9:40 AM

Salam Tun, semoga sihat sihat sahaja,
Cuma nak bagitahu, kami semua TAK RELA dan TAK HALALKAN satu sen pon duet yang najib (mungkin konsonan b blh ganti s) dan balacinya amek dari kami, kami akan tuntutan kalau bukan dapat pembelaan di sini, insyaAllah akan dapat kat akhirat nanti. Konfem dapat !. Najib memang muka tak tahu malu, syok sendiri, ingat masih dapat sanjungan rakyat sedangkan kami dah cukup meluat nak mampus kat dia. Nak sebut nama pon dah rasa nak muntah hijau. Dan setiap hari saya tak lupa doa untuk dia, maaf cakap, bukan doa yang baik, tapi biar Allah tunjuk sikit kuasa Dia pada manusia yang KEJAM tu. Kadang-kadang konfius juga, dia ni manusia ke apa? And when seven years old asking us why he steal our money, surely you have no future najib, so please just step down. Cukup cukuplah

syok sendiri dengan menteri kau yang pakar pembodek semua tu. Tun, please be strong.



36.  [Log in to Reply](#) **joetamchi** Aug 8, 2015 7:14 AM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia terdiri daripada :

Pengerusi:

YBhg Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia

Ahli:

YBhg Kolonel (K) Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Bin Hj. Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

YBrs Cik Junaidah Binti Hj. Abdul Rahman
Pesuruhjaya Penyemak Dan Pembaharuan Undang-Undang
Bahagian Penyemakan Dan Pembaharuan Undang-Undang

YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi Bin Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam

YBrs Puan Khodijah Binti Abdullah
Setiausaha Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia

YBhg Dato' Haji Che Pee Bin Samsudin
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara

YBhg Datuk Haji Shuib Bin Md. Yusop
Konsultan Swasta

YBrs Encik Fadzli Bin Abdul Wahit
Konsultan Swasta

YBhg Tan Sri Datuk Rashpal Singh a/l Jeswant Singh
Konsultan Swasta

<http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=2&skum=2&posi=1&unit=3&sequ=1>

37.  [Log in to Reply](#) **generasiku** Aug 8, 2015 6:34 AM

Dear Tun,

Hope u r in good health. May Allah always give u His guidance.


I just want to say that I love this country like everybody else in Malaysia. My question is, is it possible that u became our p.m again and make Malaysia a better place for us again?

38.  [Log in to Reply](#) **itusaya** Aug 8, 2015 5:25 AM

As salam pada Tun sekeluarga serta salam Idilfitri dr saya sekeluarga,
Amat-amat sedih saya lihat lebih-lebih lagi kebelakangan ini gelagat individu-individu yang kita raayat Malaysia mengamanahkan untuk menjaga serta mentakbirkan segala bentuk kazarah malah maruah kita raayat Malaysia dikaca mata dunia amnya sebenarnya sedikit pun tidak ambil kisah tentang betapa kasihnya kita pada negara kita yang satu-satu ini betapa malunya kita sebagai raayat negara ini dengan tingkah laku mereka selaku individu yang diberikan tanggungjawab agar menguruskan segala bentuk kazarah yang ada pada negara ini agar benar-benar telus dengan ikrar serta janji yang dilapazkan ketika mula-mula melangkah kepuncak singgahsana dulu. Kalau ia pun jangan lah sampai dahlah dengan tak habis-habis dengan skandal-skandal dari satu ke satuyang setiapnya menjadi satu peristiwa yang mengemparkan keseluruhan pihak. Dari kisah bunuh, kes culik, kes hilang dan yang paling mengejutkan sampai lah ke kes curi yang mana yang disuspect mencuri sampai satu masa dah merasakan ianya tidak ada kena mengenakan lansung dengan perihal kita. Yang penting nya kita yang perlu faham mengafami apa yang sepantutnya dibuat andaikata ianya benar-benar berlaku sampai kena ada org yg diperbolehkan menjawab "Saya Tak Tau" sebagai satu jawapan yg berstandard umum. Sayu tak tau ketika saya tak pergi sekolah

39.  [Log in to Reply johigh](#) Aug 8, 2015 4:26 AM

From the beginning of time, dignity of a man is HONOUR. We seem to have gone the other way down into the abyss of indignity. There is no honour in supporting the wrong and the corrupt. There is no honour in removal of deputy PM. There is no honour in removal of the AG. There is no honour in intimidating and discrediting Sarawak Report, The Edge, Justo, MACC and BNM Governor. The voters will return the HONOUR in 2 years time. Wait and see.

40.  [Log in to Reply nizam ham](#) Aug 8, 2015 12:22 AM

Salam Tun,

For so long i read your blog, never intended to reply anything. just read and learn..hehe, but for the moment the

situation become so worst i cant barely just read and keep reading.

a. i'm one of the quite community you identify..the quiet voice, and now they really piss off. If my calculation

are correct.. 70 deg. Celsius?

b. i have the feeling that i'm been lead by stupid people. Doesn't know which one is right or wrong. I hope they understand what 'deficit' means.

c. Not all, but majority is.

d. Looks like they think politics is a tool for their game and can keep play it without deep understanding. ?? : "Our job is to play with issue", "We are doing our work. I doubt their real motive

because i have seen my boss
struggle alot and it's not a good picture to see.

e. They try to imitate your style but they do not understand that every action is for the country, not for a game.

I do think they are focusing to be a hero in the era.

f. I too try to imitate your writing but i rather to use alphabet than numbers..hehe

